



# Ucaptive Naib Canselor 2007

**“MODAL INSAN TERAS DAYA SAING”**



Pada tanggal 22 Februari yang lalu sekali lagi UniMAP mencipta sejarah dengan berlangsungnya Majlis Ucaptive Tahunan Naib Canselor 2007. Mesej kali ini bertemakan “Modal Insan Teras Daya Saing” merupakan mesej keramat bagi seluruh warga UniMAP dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi perjuangan memartabatkan UniMAP bagi setahun yang mendatang. Dalam proses penjenamaan semula KUKUM kepada UniMAP terhasilnya pertukaran visi dan misi UniMAP yang baru. Misi UniMAP yang baru ialah “Melahirkan modal insan kamil yang menyumbang kepada pembangunan dan daya saing industri negara,” manakala visinya pula ialah “Institusi akademik dan penyelidikan yang berdaya saing di persada antarabangsa.”

Majlis Ucaptive Naib Canselor dimulakan dengan perarakan masuk Y. Bhg. Kol. Prof. Dato’ Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMAP serta diiringi Pegawai-pegawai Utama Universiti ke dalam dewan. Seterusnya semua hadirin dijemput untuk menyanyikan lagu WAWASANKU versi

baru UniMAP bagi pembukaan majlis dan majlis lebih diberkati dengan bacaan doa oleh yang berbahagia Ustaz Hassan Hj. Arshad, Penyelaras Unit Agama.

Intipati ucaptive Naib Canselor kali ini dimulakan dengan mengajak semua warga UniMAP melahirkan rasa syukur dan keinsafan diri kepada Yang Maha Esa serta mensucikan hati dan jiwa masing-masing dalam penyempurnaan tugas seharian. Warga UniMAP seharusnya bermuhasabah; tunduk merenung dan mengkritik diri, beriltizam membetulkan setiap gerak yang silap dan salah, mensyukuri setiap langkah kejayaan, dan positif memandang setiap detik yang bakal dilalui pada masa hadapan. Tanpa disedari pada hari tersebut genap selama 1,831 hari bersama-sama “membangunkan universiti,” “mengemudi tenaga dan upaya,” dan segigih mungkin “menghayati kecemerlangan, membudayakan kualiti,” walau dalam jangka masa yang singkat.

Sebagai wadah menyampaikan hasrat, cita-cita dan teguran sebagai pedoman buat warga UniMAP, antara lain Dato’

Naib Canselor menyentuh akan hasrat menggunakan konsep modal insan kamil dengan pengertian asas yang sama seperti yang terdapat dalam konsep ‘insan yang seimbang’ dan ‘modal insan yang holistik.’ Kamil bermaksud telah sempurna. Jadi, UniMAP berazam mahu melahirkan modal insan (lazimnya lepasan universiti dipanggil siswazah) yang telah sempurna sebagai suatu faktor motivasi dalam perancangan dan tindakan. UniMAP bermotivasi untuk melahirkan modal insan (yang daya produktiviti tinggi dan menyumbang kepada pencapaian organisasi yang positif secara berterusan) “yang sempurna daripada segi keimanan (bersih akidahnya; tidak syirik sebagai manifestasi hubungan suci manusia dengan Allah) dan ketakwaannya (kepatuhan insan pada syariat Allah) dan dengan suluhi keimanan dan ketertiban ketakwaan itulah lahir amal salih (tingkah laku yang mulia yang terjelma dalam interaksi dan hubungan insan dengan insan yang lain)”.

*Disediakan oleh : Ismiza Ismail*



Selain daripada konsep modal insan, Dato' Naib Canselor juga memberi penekanan kepada konteks 'daya saing' atau dalam bahasa Inggeris competitive yang mempunyai signifikasinya yang tersendiri. Konteks 'daya saing' telah dikupas dari aspek Negara, UniMAP, Siswazah dan seterusnya Pekerja. Antara lain pekerja yang berdaya saing itu ialah pekerja yang mempunyai sikap (cara berfikir, merasa dan bertindak) yang positif daripada kacamata manusia dan Allah. Mereka ialah insan yang proaktif; kreatif; inovatif; mempunyai pengetahuan yang multidisiplin; suka mengambil tahu dan mempelajari kerja yang belum pernah dilaksanakannya; suka menambahkan ilmu dan kemahiran sama ada secara formal atau tidak formal; berorientasikan pencapaian; menghasilkan kerja yang berkualiti iaitu yang menepati kehendak pelanggan atau dinamai juga sebagai efektif; cekap atau efisien menghasilkan kerja atau menghasilkan kerja dalam jangka masa yang ditetapkan; berupaya menghasilkan kerja yang banyak dengan kos yang rendah tanpa mengorbankan kualiti produk atau perkhidmatan; hasil kerja yang memuaskan hati pelanggan; tidak membazir; komited daripada segi penghasilan idea, tenaga dan usaha; berupaya berkorban masa dan wang ringgit demi melaksana tugas yang diberikan; berakhlak mulia dan mematuhi etika organisasi dan kerja. Setiap kupasan dan intipati yang disampaikan oleh Dato' Naib Canselor diperkukuhkan lagi dengan paparan statistik dan analisis yang telah dijalankan melalui penyelidikan. Selain daripada itu, beberapa pembangunan pusat-pusat dan penawaran beberapa program baru yang dikenalpasti telah diumumkan. Dato' Naib Canselor juga membuat beberapa rumusan akan kejayaan yang telah dikecapi oleh

UniMAP dari pelbagai aspek iaitu pengantarabangsaan, MOU, Perundingan dan Penyelidikan, Konsultansi dan Inovasi serta kejayaan-kejayaan UniMAP yang lain.

Di akhir ucapatama Dato' Naib Canselor memberi bekal kata-kata mutiara yang amat indah buat pedoman yang berbunyi "Ikhlas menolong tak harap sanjung, Ikhlas berbudi tak harap puji, Ikhlas berkorban tak harap imbalan, Ikhlas bekerja tak harap upah, Ikhlas memberi tak harap ganti dan Ikhlas memerintah tak harap sembah."

Majlis menjadi lebih bermakna apabila Buku Kemahiran Insaniah "Soft skills" dan " e-RESOURCES : MELALUI PELAYAN EZPROXY" di lancarkan dengan penuh acara gilang-gemilang.



Buku Kemahiran Insaniah "Soft skills" dilancarkan dalam usaha pemantapan kemahiran insaniah di UniMAP dengan pelaksanaan Rakan Pendamping Siswa (RPS) dan Tujuh Kursus Wajib (7 Pillars). Program ini dilaksanakan secara terancang dan berstruktur mengikut objektif yang digariskan melalui penglibatan staf akademik dan Hal Ehwal Pelajar. Program RPS dan 7 pillars merupakan usaha proaktif UniMAP untuk menyediakan nilai tambah kepada kualiti pengajaran, pembelajaran dan latihan kepada pelajar. UniMAP memberi



tumpuan kepada pemangunan kemahiran insaniah berdasarkan tujuh (7) elemen yang dicadangkan oleh KPT Malaysia meliputi kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional dan kemahiran kepimpinan.

Bagi e-RESOURCES : MELALUI PELAYAN EZPROXY pula Perpustakaan UniMAP kini menawarkan capaian kepada e-Resources secara jarak jauh kepada warga UniMAP. e-Resources menawarkan capaian kepada pangkalan data teks penuh seperti IEEE Explore, Science Direct, ACM Digital Library, Springer Link dan EBSCOHost Academic Search Premier selain enjin pencari Engineering Village (EI) 2. Sumber elektronik ini telah lama ditawarkan melalui portal UniMAP dan laman web Perpustakaan. Walau bagaimanapun, capaian kepada sumber ini terbatas kepada pengguna rangkaian kampus sahaja. Aplikasi pelayan EZproxy membolehkan capaian 24 jam sehari dari mana-mana lokasi yang dihubungkan kepada Internet.

Majlis Ucapatama Tahunan Naib Canselor ini telah dihadiri oleh warga UniMAP yang terdiri daripada staf, pelajar dan Majlis Perwakilan Pelajar. Antara tetamu kehormat yang lain ialah Pengarah dan Pengetua IPT di negeri Perlis dan pihak media.

